

Media Title	: Utusan Borneo Sarawak
Headline	: Miliki wang hasil penipuan, keldai akaun didenda RM500
Date	: 29 August 2024
Section	: Tempatan
Page	: 2



## Miliki wang hasil penipuan, keldai akaun didenda RM500

**KUCHING:** Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM500 terhadap seorang lelaki yang mengaku bersalah memiliki wang hasil penipuan berjumlah RM2,000 secara tidak sah di dalam akaun bank miliknya.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali memerintahkan tertuduh dari Serian, Patrick Emori Robin, 34, untuk dipenjara 10 hari sekiranya gagal membayar denda.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Taman Haji Ramli, Lorong Cenderawasih di sini

pada 16 Ogos 2024 sekitar jam 12.08 tengah hari.

Berdasarkan fakta kes, seorang lelaki berusia 46 tahun (pengadu) melayari Market Place Facebook dan berminat membeli sebuah kereta kompak yang dijual pada harga RM5,500.

Susulan itu, pengadu membuat urusan pembelian dengan seorang lelaki menerusi aplikasi WhatsApp dan Telegram.

Pengadu juga diarahkan membuat bayaran deposit RM2,000 ke akaun bank atas nama Patrick Emori R (tertuduh).

Bagaimanapun, pengadu

tidak mendapat kereta yang dibeli.

Pengadu yang berasal dirinya ditipu membuat laporan polis dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan tertuduh pada 27 Ogos 2024.

Siasatan lanjut mendapati tertuduh selaku pemilik akaun bank telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 37 (1) Ordinan Kesalahan Kecil Sarawak 1958 kerana secara jelas memiliki harta secara tidak sah.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim manakala tertuduh tidak diwakili peguam.